

HUBUNGAN KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DENGAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH AMANAH NEGERI SELANGOR

NUR ZABREENA BINTI ZABIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

HUBUNGAN KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DENGAN
KEPIMPINAN GURU SEKOLAH AMANAH NEGERI SELANGOR

NUR ZABREENA BINTI ZABIR

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16/5/2023

Perakuan Pelajar:

Saya, NUR ZABREENA BINTI ZABIR, M20201000664 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk HUBUNGAN KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DENGAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH AMANAH NEGERI SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF. MADYA MAHALIZA BINTI MANSOR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DENGAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH AMANAH NEGERI SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN).

16/5/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA
DENGAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH AMANAH NEGERI
SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20201000664

Saya / I: NUR ZABREENA BINTI ZABIR
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Z.A.R

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan disertasi ini, ramai pihak telah memberikan bantuan dan kerjasama yang baik. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Mahaliza binti Mansor selaku pensyarah penyelia yang telah memberikan tunjuk ajar, panduan, bimbingan dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas penajaan pengajian Ijazah Sarjana ini. Tidak dilupakan Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Selangor kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang berurusan bagi mendapatkan responden dalam kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mengingatkan satu sama lain dan berkongsi susah senang bersama-sama. Saya juga ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang tidak putus memberikan semangat dan sokongan untuk saya meneruskan dan seterusnya menghabiskan pengajian saya. Berkat doa kalian, Kamariah binti Rajali, Zabir bin Mir Ahmad, Nur Zameera binti Zabir, Dinie Azfar bin Zabir, Mohammad Sufian binti Sayudin, Auni Safiyyah binti Mohammad Sufian, Anis Zulaikha binti Mohammad Sufian dan Aira Insyirah binti Mohammad Sufian, InsyaAllah kajian ini dapat menjadi penyumbang dalam perkembangan institusi ilmu.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru Sekolah Amanah di negeri Selangor. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 205 orang guru sekolah menengah dari 404 orang guru sekolah menengah Sekolah Amanah dari seluruh negeri Selangor. Kajian pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan soal selidik. Instrumen kajian ini telah diadaptasi daripada Multi Factor Leadership Questionnaire (MLQ) dan *Teacher Leadership Inventory* (TLI). Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan transformasi pengetua ($\text{min} = 3.35$) dan tahap kepimpinan guru ($\text{min} = 3.33$) berada di tahap sederhana. Analisis ANOVA sehalu menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara faktor tempoh perkhidmatan guru: ($F = 1.54, p = 0.19$) terhadap tahap kepimpinan guru Sekolah Amanah. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan signifikan yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah ($r = 0.65, p < 0.05$). Kesimpulannya, kepimpinan transformasi pengetua terbukti mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru Sekolah Amanah. Implikasi kajian memberi kesedaran kepada pihak berkepentingan bahawa pemimpin sekolah perlu memperkasakan gaya kepimpinan transformasi agar kualiti kepimpinan guru dapat dipertingkatkan.

THE RELATIONSHIP BETWEEN PRINCIPALS' TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP WITH TRUST SCHOOL TEACHERS' LEADERSHIP IN SELANGOR

ABSTRACT

The objective of this study is to study the relationship between the principals' transformational leadership and Trust School teachers' leadership in Selangor. A quantitative approach with a survey design has been used for this study. The research sample selected was a total of 205 secondary school teachers from 404 trust school secondary school teachers from over the state of Selangor. The data collection for this study was collected using questionnaires. The research instrument was adapted from Multi Factor Leadership Questionnaire MLQ and Teacher Leadership Inventory (TLI). The findings of the study showed the level of principals' transformational leadership (mean = 3.35) and the level of teachers' leadership (mean = 3.33) were moderate. One-way ANOVA analysis showed that there is no major different between the duration of teachers' service: ($F = 1.54, p = 0.19$) towards Trust School teachers' leadership. The Pearson correlation analysis showed a significant positive relationship between the two variables ($r = 0.65, p < 0.05$). In conclusion, there is a relationship between principals' transformational leadership and Trust School teachers' leadership. The implications of this study provide awareness to stakeholders that school leaders need to strengthen their transformational leadership style to improve the quality of teachers' leadership.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Teori Kajian	8
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	10



1.9	Definisi Operasional	11
1.9.1	Kepimpinan Transformasi	12
1.9.1.1	Pengaruh Ideal	12
1.9.1.2	Motivasi Berinspirasi	13
1.9.1.3	Pertimbangan Individu	13
1.9.1.4	Ransangan Intelek	14
1.9.2	Kepimpinan Guru	15
1.9.2.1	Pengetahuan	15
1.9.2.2	Kemahiran	16
1.9.2.3	Nilai	16
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Kepentingan Kajian	19

1.12	Rumusan Bab	21
------	-------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Kepimpinan Transformasi	23
2.2.1	Model Kepimpinan Transformasi Bass dan Avolio	25
2.2.2	Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel	27
2.2.3	Model Kepimpinan Transformasi Leithwood	29
2.2.4	Pemilihan Model Kepimpinan Bass & Avolio	30
2.3	Konsep Kepimpinan Guru	31
2.3.1	Teacher Leadership Inventory (TLI) Mahaliza et al., 2020	32
2.3.2	Model Kepimpinan Guru Katzenmeyer dan Moller	34

2.3.3	Model Kepimpinan Guru Grant	35
2.3.4	Pemilihan Teacher Leadership Inventory (TLI) Mahaliza et al.	36
2.4	Kajian-Kajian Lepas	37
2.4.1	Kepimpinan Transformasi	37
2.4.2	Kepimpinan Guru	40
2.4.3	Perbezaan Penilaian Kepimpinan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru	42
2.4.4	Hubungan Kepimpinan Transformasi dan Kepimpinan Guru	42
2.5	Rumusan Bab	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Populasi dan Pensampelan	48
3.4	Instrumen Kajian	51
3.4.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	52
3.4.2	Bahagian B: Kepimpinan Transformasi Pengetua	53
3.4.3	Instrumen Bahagian C: Kepimpinan Guru	54
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	55
3.5.1	Analisis Kesahan Muka	55
3.5.2	Analisis Kesahan Kandungan	56
3.5.3	Kebolehpercayaan Instrumen	58
3.6	Kajian Rintis	59
3.6.1	Bahagian B: Kepimpinan Transformasi Pengetua	60
3.6.2	Bahagian C: Kepimpinan Guru	66

3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.8	Prosedur Menganalisis Data	73
3.8.1	Statistik Deskriptif	73
3.8.2	Statistik ANOVA Sehala	74
3.8.3	Statistik Kolerasi	76
3.8.4	Ringkasan Kaedah Analisis Kajian	78
3.90	Kesimpulan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Profil Responden Kajian	81
4.3	Ujian Kenormalan	82
4.3.1	Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis	82
4.4	Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	84
4.4.1	Apakah Tahap Kedudukan Kepimpinan Transformasi Pengetua Sekolah Amanah Negeri Selangor?	84
4.4.2	Apakah Tahap Kedudukan Kepimpinan Guru Sekolah Amanah Negeri Selangor?	85
4.4.3	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Kepimpinan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru Sekolah Amanah Negeri Selangor?	86
4.4.4	Adakah Terdapat Hubungan Di Antara Kepimpinan Transformasi Pengetua Dengan Kepimpinan Guru Sekolah Amanah Negeri Selangor?	88
4.5	Rumusan Bab	91

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	93
5.2	Ringkasan Kajian	94

5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	95
5.3.1	Tahap Kepimpinan Transformasi Pengetua	95
5.3.2	Tahap Kepimpinan Guru	97
5.3.3	Perbezaan Penilaian Kepimpinan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru	99
5.3.4	Hubungan Kepimpinan Transformasi Pengetua Dengan Kepimpinan Guru	100
5.4	Implikasi Kajian	102
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Teori	103
5.4.2	Implikasi Kajian Terhadap Amalan	106
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	107
5.6	Kesimpulan	109

RUJUKAN	112
----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	49
3.2	Taburan Anggaran Jumlah Guru Sekolah Amanah di Negeri Selangor	50
3.3	Taburan Item Mengikut Dimensi Kepimpinan Transformasi	53
3.4	Skor Skala Empat Likert	53
3.5	Taburan Item Mengikut Dimensi Kepimpinan Guru	54
3.6	Skor Skala Empat Likert	54
3.7	Keputusan Content Validation Index	57
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha	59
3.9	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Pengaruh Ideal	61
3.10	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Motivasi Berinspirasi	62
3.11	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Ransangan Intelek	63
3.12	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Pertimbangan Individu	64
3.13	Rumusan Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Bahagian B (Kepimpinan Transformasi Pengetua)	65
3.14	Pernyataan Item Soal Selidik Bahagian B (Kepimpinan Transformasi Pengetua)	66
3.15	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Pengetahuan	67
3.16	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Nilai	68





3.17	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Kemahiran	69
3.18	Rumusan Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan Bahagian C (Kepimpinan Transformasi Guru Sekolah Amanah)	70
3.19	Pernyataan Item Soal Selidik Bahagian C (Kepimpinan Guru Sekolah Amanah)	70
3.2	Tafsiran Skor Min	74
3.21	Ujian Homogeneity Varians	76
3.22	Interpretasi Nilai dan Hubungan Korelasi	77
3.23	Rumusan Prosedur Penganalisan Data	78
4.1	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	81
4.20	Nilai Skewness Dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kepimpinan Transformasi Pengetua	82
4.3	Nilai Skewness Dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru Sekolah Amanah	83
4.4	Nilai Min Tahap Kepimpinan Transformasi Pengetua Sekolah Amanah Negeri Selangor	84
4.5	Nilai Min Tahap Kepimpinan Guru Sekolah Amanah Negeri Selangor	85
4.6	Nilai Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru	87
4.7	Ujian ANOVA Tahap Kepimpinan Guru Sekolah Amanah Negeri Selangor Mengikut Tempoh Perkhidmatan	87
4.8	Analisis Korelasi Pearson Untuk Menguji Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Pengetua Dengan Kepimpinan Guru Sekolah Amanah	89
4.9	Ringkasan Analisis Dapatan Kajian	90





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	10
2.1	Model Kepimpinan Transformasi Bass dan Avolio	27
2.2	Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel	29
2.3	Model Kepimpinan Transformasi Leithwood	30
3.1	Formula Teknik Perkadaran	49



SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CVI	<i>Content Validation Index</i> / Indeks Kesahan Kandungan
I-CVI	<i>Item Content Validation Index</i>
JPNP	Jabatan Pelajaran Negeri Perak
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDT	<i>Leadership Development for Teacher Model</i>
ML	<i>Middle Leaders</i>
MLQ	<i>Multi Factor Leadership Questionnaire</i>
NPQEL	<i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i> / Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan
PLC	<i>Professional Learning Community</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SLT	<i>Senior Leaders</i>
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science</i>
TLI	<i>Teacher Leadership Inventory</i>
TSP	<i>Trust School Programme</i> / Program Sekolah Amanah

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Soal Selidik
- C Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah KPM
- D Kebenaran Menjalankan Kajian JPN Perak

BAB 1

PENDAHULUAN

Pada masa ini, Malaysia sedang mengorak langkah untuk mencapai visi Transformasi Nasional Tahun 2050 (TN50) selepas fasa Wawasan 2020. Bidang pendidikan tidak terkecuali dalam membawa visi TN50 untuk memacu perkembangan pesat negara. Kementerian Pendidikan (KPM) telah mengenal pasti 11 anjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Malah, PPPM (2013) sudah memasuki gelombang ke 3 yang lebih autonomi diberikan kepada pengurusan berasaskan sekolah dalam membuat keputusan bagi melaksanakan kurikulum serta peruntukan belanjawan. Pada masa yang sama, aspek kepimpinan turut ditekankan dalam anjakan kelima iaitu memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Oleh itu, pemimpin sekolah perlu jelas



tentang peranan dan tanggungjawab bagi pelaksanaan konsep kepimpinan yang diharapkan.

Di samping itu, fokus juga diberikan kepada guru di mana anjakan ke empat PPPM (2013) ialah menjadikan guru sebagai kerjaya pilihan. Guru-guru seharusnya mempunyai kelayakan yang bertepatan dengan bidang tugas masing-masing bagi mencapai standard kualiti yang ditetapkan oleh KPM. PPPM (2013) turut memfokuskan konsep kepimpinan guru bagi mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme bersama rakan setugas yang akan memberi manfaat kepada profesionalisme guru yang berkaitan dengan kurikulum dan bukan kurikulum. Oleh hal yang demikian, guru harus sedar akan peranannya sebagai pemimpin untuk meningkatkan pencapaian sekolah.



Seterusnya, tunjang utama kepada kejayaan pelaksanaan pendidikan negara adalah pemimpin sekolah dan juga guru (Quah, 2016). Ini dapat dilihat dengan jelas dalam anjakan kelima PPPM apabila dinyatakan bahawa kualiti guru merupakan faktor terbesar dalam menentukan pencapaian pelajar manakala kualiti pemimpin sekolah pula merupakan faktor kedua terbesar. Kualiti kedua-duanya adalah signifikan terhadap kecemerlangan akademik dan pembangunan holistik pelajar untuk merealisasikan aspirasi PPPM. Pada waktu yang sama, pemimpin sekolah terus memacu kecemerlangan profesionalisme apabila bersama-sama dengan guru untuk membimbing antara satu sama lain. Seterusnya, idea baru yang sedang dipraktikkan dalam meningkatkan kualiti guru ialah amalan pembelajaran individu, kumpulan dan organisasi (Noradzimah, 2020). Tambahan lagi, pemimpin berkualiti harus menunjukkan teladan yang dikagumi dan dihargai dengan menitikberatkan pemikiran





yang ideal dan keazaman yang kuat untuk mencapai apa yang telah dirancang (Kamaruddin et al, 2020).

1.2 Latar Belakang

Selaras dengan PPPM, Program Sekolah Amanah (TSP) diperkenalkan pada tahun 2010 apabila Yayasan AMIR dan KPM melopori Kerjasama Awam-Swasta (PPP) dalam pendidikan. Tambahan lagi, sektor swasta memainkan peranan penting dalam menyokong sistem pendidikan negara. Atas kesedaran ini, KPM melancarkan inisiatif ini sebagai satu usaha untuk mengiktiraf dan menggalakkan sektor swasta bersama-sama terlibat sebagai rakan dalam pendidikan di Malaysia. Seterusnya, KPM mensasarkan 500 Sekolah Amanah akan dibentuk pada tahun 2025. Untuk itu, Yayasan Amir melantik LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd) sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan dan telah membangunkan beberapa model pendidikan. Empat matlamat strategik TSP ialah membangunkan kepimpinan berkualiti tinggi, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memaksimumkan potensi dan pencapaian murid dan memperkukuhkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain.

Jelaslah bahawa aspirasi pendidikan negara adalah untuk menempatkan pengetua dan guru besar berprestasi tinggi di setiap sekolah bagi menfokuskan kepada meningkatkan pencapaian pelajar. Dalam meniti arus kemodenan ini, terdapat beberapa gaya kepimpinan yang diamalkan misalnya kepimpinan instruksional, kepimpinan transformasi, kepimpinan distributif, kepimpinan autentik dan demokratik. Ini memberi





panduan dan rujukan kepada kepimpinan sekolah untuk memacu kecemerlangan sesebuah organisasi. Oleh sebab itu, kepimpinan sekolah harus menyahut saranan KPM untuk sama-sama mendukung PPPM untuk membawa perubahan yang berkesan kepada keberhasilan guru dan murid.

Seterusnya, dalam konteks kepimpinan transformasi ia adalah merupakan satu kepimpinan yang dapat membentuk dan mencetuskan idea dan dinamisme dalam konteks kepimpinan sekolah. Untuk mencapai matlamat organisasi, kepimpinan transformasi ini mampu menginspirasi pengikut dan boleh meningkatkan kebolehan mereka (Avolia et al, 2004). Selain itu, ketua jabatan mempunyai matlamat yang sama iaitu menjadikan sekolah masing-masing sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dengan memainkan peranan sebagai pemimpin transformasi (Ghavifekr, 2016). Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa keperluan kepimpinan transformasi dalam pendidikan adalah sangat tinggi.

1.3 Pernyataan Masalah

Dunia pendidikan sentiasa mengalami perubahan selari dengan peredaran zaman dan tuntutan semasa. Perubahan yang berlaku merupakan suatu proses yang dinamik dan sentiasa berevolusi dengan memberi penekanan kepada pembelajaran yang berterusan. Sekolah adalah organisasi pembelajaran berterusan yang perlu melonjakkan prestasi dan membina keupayaan seiring dengan perubahan dalam persekitaran sekolah yang tidak bersempadan (Matthew, 2017). Maka, sistem pendidikan memerlukan pemimpin yang berketerampilan dan berkaliber bagi mencapai impian dan wawasan negara.





Lebih-lebih lagi, kepentingan kemahiran dalam amalan kepimpinan diperlukan untuk kejayaan sebuah sekolah (Abdul Majid, 2017). Oleh itu, kepimpinan merupakan satu proses yang penting dalam memastikan objektif organisasi dapat dicapai sepenuhnya (Mohd Akmar, 2017).

Seterusnya, terdapat peningkatan permintaan untuk kepemimpinan berkesan di sekolah namun ia merisaukan apabila potensi kepimpinan guru belum sepenuhnya dimanfaatkan di sekolah (Ross et al., 2016). Hanya sebilangan guru yang menganggap diri mereka sebagai seorang pemimpin dan ada yang tidak menyedari keperluan untuk menjadi pemimpin yang pelbagai. Namun demikian, pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan transformasi membolehkan guru-guru ini untuk menyumbangkan sesuatu berdasarkan kepada bakat dan posisi masing-masing yang seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti guru (Jamilah et al., 2016). Oleh sebab itu, sekolah dapat melahirkan guru dan pelajar yang cemerlang dan berdaya saing di peringkat global apabila wujud hubungan baik antara pentadbir dan guru di sekolah (Fadhlah et al., 2019).

Di samping itu, kebanyakan negara maju mengesahkan bahawa kepimpinan guru adalah aspek utama dalam menentukan kualiti sebuah sekolah (Wang & Ho, 2018; 2020). Namun, beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia tentang tahap kepimpinan guru menyatakan bahawa tahap kepimpinan guru berada pada tahap sederhana (Hamidah et al., 2017; Norashdimah et al., 2019; Nortamziah & Mua zam, 2019). Oleh itu, kajian yang lebih terperinci perlu dijalankan tentang tahap kepimpinan guru khususnya di sekolah-sekolah.





Pada waktu yang sama, laporan Bank Dunia Malaysia *Economic Monitor: High-Performing Education* (2013), memaparkan bahawa Progam Sekolah Amanah adalah satu inovasi di mana rakan kongsi swasta diberi kepercayaan untuk menguruskan sekolah yang dibiayai secara terbuka dan bertanggungjawab untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah dan kemenjadian pelajar. Oleh kerana setiap program dipantau dan dinilai dengan teliti untuk memastikan program sekolah amanah ini mencapai hasil yang diinginkan, LeapEd menjalankan Kajian Impak Sekolah Amanah pada tahun 2018 (TSP 1.0). Dapatan kajian menunjukkan amalan kepimpinan guru berada pada tahap yang rendah. Kajian ini melibatkan *Senior Leadership Team* (SLT), *Middle Leaders* (ML) dan guru dinilai menggunakan indikator 5 tahap kemajuan. Lima tahap kemajuan tersebut ialah tahap satu iaitu *beginning*, tahap dua iaitu *developing*, tahap tiga iaitu *establishing*, tahap empat iaitu *enhancing* dan tahap lima iaitu *extending*. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, 66% SLT menunjukkan mereka telah mencapai tahap minimum 1 dan 13% telah mencapai tahap 2-3. Seterusnya, 49% ML menunjukkan mereka telah mencapai tahap minimum 1 dan 40% telah mencapai tahap 2-3 di samping 61% guru menunjukkan mereka telah mencapai tahap minimum 1 dan 25% guru menunjukkan mereka telah mencapai tahap 2-3. Selebihnya, guru tidak menunjukkan sebarang kemajuan atau *no progress*. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa majoriti guru yang terlibat berada pada tahap minimum iaitu 1.

Pada masa ini, pengurusan sekolah yang berkesan sangat memerlukan kepimpinan pengetua memandangkan pengetua adalah peneraju utama dalam setiap pengoperasian dan pelaksanaan aktiviti di sekolah. Sehubungan dengan itu, kajian ini perlu dilaksanakan agar dapat mengisi jurang data penyelidikan tentang tahap amalan





keimpinan transformasi dalam kalangan pengetua Sekolah Amanah, tahap amalan kepimpinan guru sekolah amanah serta mengetahui dengan lebih jelas hubungannya kepimpinan transformasi pengetua dengan tahap amalan kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri di Selangor.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat **objektif kajian** iaitu:

- I. Mengenal pasti tahap kepimpinan transformasi pengetua Sekolah Amanah negeri Selangor.
- II. Mengenal pasti tahap kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor.
- III. Menganalisis perbezaan yang signifikan dalam kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor berdasarkan tempoh perkhidmatan guru.
- IV. Menentukan hubungan di antara kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa soalan kajian telah dibentuk oleh pengkaji berdasarkan kepada objektif kajian. Soalan kajian tersebut adalah seperti berikut:



- I. Apakah tahap kepimpinan transformasi pengetua Sekolah Amanah negeri Selangor?
- II. Apakah tahap kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor?
- III. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepimpinan guru berdasarkan tempoh perkhidmatan guru Sekolah Amanah negeri Selangor?
- IV. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor?

1.6 Hipotesis Kajian

Dua hipotesis null dibina berdasarkan persoalan kajian III dan IV iaitu:

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepimpinan guru berdasarkan tempoh perkhidmatan guru Sekolah Amanah negeri Selangor.
- H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang di antara kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru Sekolah Amanah negeri Selangor.

1.7 Kerangka Teori Kajian


Fokus kajian ini adalah untuk melihat hubungan kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru sekolah amanah negeri Selangor. Dalam aspek kepimpinan transformasi, kajian ini adalah berdasarkan kepada model kepimpinan transformasi

Bass dan Avolio (1994) manakala bagi kepimpinan guru pula adalah berdasarkan model *Teacher Leadership Inventory* (TLI) oleh (Mahaliza et al., 2020).

Dalam kajian ini, pengkaji mendalami dimensi kepimpinan transformasi mengikut model Bass dan Avolio (1994) yang merungkai faktor-faktor membentuk kepimpinan transformasi. Model ini dijelaskan secara sistematik seterusnya sesuai dengan situasi kepemimpinan sekolah di samping mengikut peredaran zaman. Model kepimpinan ini juga sangat praktikal diaplikasikan kerana mempunyai teori dua faktor; kepimpinan dan saling memerlukan antara satu sama lain. Empat dimensi yang terdapat dalam model ini ialah pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu.

Seterusnya penyelidik menggunakan model TLI yang dibangunkan oleh (Mahaliza et al., 2020) untuk menunjukkan hubungan kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru sekolah amanah. Model TLI yang telah dibina pada tahun 2020 ini menghasilkan kumpulan item baharu untuk mengukur konstruk elemen kepimpinan guru. Skala ini direka bentuk bagi memenuhi dan mengikut keperluan konteks pendidikan di Malaysia dalam memahami persepsi guru. Tiga dimensi kepimpinan guru yang digunakan ialah pengetahuan, nilai dan kemahiran bagi meneroka penilaian sendiri kepemimpinan guru.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah untuk menjelaskan elemen kepimpinan transformasi pengetua dan kepimpinan guru sekolah amanah. Kerangka konsep kajian ini dibentuk berdasarkan kepada gabungan dua model iaitu model kepimpinan transformasi Bass dan Avolio (1994) dan model TLI oleh Mahaliza et. al (2020). Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina sebagai asas dan panduan untuk menjawab persoalan dan membuktikan hipotesis kepada kajian ini. Kedua-dua elemen utama dalam kajian ini diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik. Pemboleh ubah tidak bersandar kajian ini adalah kepimpinan transformasi pengetua manakala pemboleh ubah bersandar kajian ini adalah kepimpinan guru sekolah amanah.

Untuk menjelaskan kepimpinan transformasi pengetua dalam kajian ini, penyelidik menggunakan model kepimpinan transformasi Bass dan Avolio (1994) dan sekaligus menjadi teori yang mendasari kajian ini. Konstruk yang diukur dalam kajian ini meliputi keempat-empat dimensi utama dalam model kepimpinan transformasi Bass dan Avolio (1994) iaitu pengaruh ideal, inspirasi bermotivasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu.

Teori kepemimpinan transformasi Bass dan Avolio dalam kajian ini dipilih kerana ia bersesuaian untuk menggambarkan sikap kepemimpinan transformasi bagi seorang ketua organisasi iaitu pengetua. Perkongsian idea dan maklumat antara satu sama lain dalam organisasi akan melahirkan pengikut yang seronok, sentiasa bermotivasi dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas yang diberikan (Bass & Avolio, 1994). Ini memberikan impak kepada kualiti, sikap, kemahiran dalam diri setiap pengikut malah seterusnya memupuk sifat kepemimpinan yang efektif dalam diri setiap ahli kumpulan.

Bagi menjelaskan kepemimpinan guru sekolah amanah dalam kajian ini pula, penyelidik telah merujuk kepada model TLI oleh Mahaliza et al. (2020). Selain itu bagi mengukur kepemimpinan guru sekolah amanah, ketiga-tiga konstruk daripada model TLI (Mahaliza et al., 2020) iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai telah digunakan dalam kajian ini. Pembinaan model TLI ini adalah untuk memenuhi keperluan dalam konteks pendidikan di Malaysia untuk menyediakan skala pengukuran penilaian sendiri kepemimpinan guru. Skala ini dapat dijadikan kerangka umum kepada elemen-elemen penting dalam menguruskan kepemimpinan guru di peringkat sekolah.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini menyenaraikan beberapa definisi istilah berkaitan dengan kedua-dua pemboleh ubah berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian. Kedua-dua pemboleh ubah tersebut ialah kepemimpinan transformasional dan kepemimpinan guru.

1.9.1 Kepimpinan Transformasi

Kepimpinan transformasi yang dimurnikan oleh Bass dan Avolio (1994) dibagikan kepada empat konstruk. Empat-empat konstruk tersebut adalah pengaruh ideal atau karisma, ransangan intelek, pertimbangan individu dan motivasi berinspirasi. Kepimpinan ini merangkumi emosi, nilai, etika, standard dan matlamat jangka masa panjang termasuk menilai motif, memberi keperluan serta layanan yang baik kepada pengikut. Dalam kajian ini kepemimpinan transformasi yang dimaksudkan adalah sebagai cara kepemimpinan holistik yang boleh digunakan ke arah kecemerlangan individu dan dapat untuk menyumbangkan sesuatu yang bererti kepada organisasi dan komuniti. Ianya merujuk kepada tahap kepemimpinan transformasi yang diamalkan oleh pengetua sekolah amanah. Oleh itu, empat dimensi yang akan diuji dalam kajian ini adalah pengaruh ideal, inspirasi motivasi, pertimbangan individu dan rangsangan intelek.

1.9.1.1 Pengaruh Ideal

Pemimpin yang mempunyai pengaruh ideal menjadi contoh teladan serta menetapkan jangkaan yang diharapkan daripada pengikutnya (Bass & Avolio, 1994). Pendekatan kepimpinan ini menunjukkan sifat pemimpin yang berkeyakinan tinggi dan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni. Dalam kajian ini, pemimpin yang mempunyai pengaruh ideal ialah seorang pemimpin yang menjadi suri teladan dan kebanggaan kepada ahli kumpulan dalam sesebuah organisasi. Pada waktu yang sama, pemimpin jenis ini juga sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi dan menjadi kebanggaan dan ikutan orang yang dipimpinnya.



1.9.1.2 Motivasi Berinspirasi

Motivasi berinspirasi menerangkan tentang kemampuan pemimpin untuk meningkatkan motivasi pengikutnya untuk mencapai hasil yang diinginkan selain menyediakan imej organisasi yang menyeronokkan. Pemimpin ini memberi fokus kepada usaha oleh setiap ahli kumpulan untuk menjadikan pengikutnya lebih bermotivasi dan lebih komited kepada visi organisasi tersebut (Bass & Avolio, 1994). Hal ini demikian kerana motivasi adalah suatu tindakan yang akan menentukan aras kecenderungan sama ada meningkatkan atau mengakibatkan penurunan tingkat pengisian keperluan individu (Shufaryinie, 2016).

Dalam kajian ini pula, motivasi berinspirasi merujuk kepada tingkat motivasi yang dicapai dalam kalangan guru sekolah amanah berdasarkan kepada amalan kepimpinan pengetua sekolah menengah di bawah program sekolah amanah negeri Selangor.

1.9.1.3 Pertimbangan Individu

Pemimpin yang mempraktikkan dimensi pertimbangan individu memahami perbezaan setiap ahli dalam kumpulan pengikutnya di mana pemimpin ini jarang memberi layanan yang serupa seterusnya membuat anggapan bahawa pengikutnya mempunyai keperluan dan keupayaan yang sama (Bass & Avolio, 1990; Bass, 1985; Ishak Sin, 2001). Dimensi ini menggambarkan seorang pemimpin transformasi yang menyantuni pengikutnya sebagai seorang individu yang berperasaan (Bass & Avolio, 1994). Pada



waktu yang sama, pemimpin mendengar keperluan pengikut mereka secara individu. Pemimpin ini juga berperanan sebagai penasihat sementara dan memberikan cabaran baharu yang sesuai dengan kelebihan pengikutnya.

Dalam kajian ini, pemimpin memainkan peranan yang besar dalam mengawal emosi pengikutnya yang prihatin terhadap setiap individu, memberi peluang untuk berkongsi idea dan membuat pertimbangan yang wajar dalam keputusan yang diambil.

1.9.1.4 Ransangan Intelek

Pemimpin jenis bertingkah laku secara aktif dalam memberikan dorongan kepada pengikutnya untuk mengkaji dan menilai isu yang dihadapi berpandukan kepada pendekatan yang baharu (Bass & Avolio, 1994). Pemimpin ini juga menjadi sumber inspirasi kepada pengikutnya untuk menjana ilmu dan menggalakkan cara pemikiran baru dalam menangani isu yang timbul dalam organisasi. Ia adalah gaya kepimpinan yang memberi sokongan kepada mereka untuk berfikir secara kreatif, mencuba pendekatan baharu, membangunkan idea inovatif seterusnya berfikir di luar kotak. Apabila pendekatan ini dipraktikkan, isu yang dihadapi dapat diselesaikan dengan teliti dan lancar.

Menurut kajian ini, pemimpin yang mempunyai ransangan intelek yang tinggi akan menggalakkan penerokaan ilmu bagi meningkatkan prestasi dan pementapan profesionalisme guru-guru dengan memberi galakan kepada mereka mengikuti kursus dan bengkel-bengkel keguruan. Pengetua juga boleh bertindak sebagai fasilitator atau



mentor dengan membimbing guru di sekolah agar mengamalkan pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.

1.9.2 Kepimpinan Guru

Kepimpinan guru merupakan kebolehan guru mempengaruhi rakan-rakannya dalam pengamalan terbaik di sekolah di mana tiga elemen diambil kira iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai terhadap tugas yang diberikan (Mahaliza et al, 2020). Ini selari dengan Fairman dan Mackenzie (2015) yang mengatakan bahawa kepimpinan guru merujuk kepada kebolehan guru membawa perubahan di dalam dan di luar organisasi melalui pengetahuan, kemahiran dan pada waktu yang sama mempengaruhi rakan sekerja. Oleh itu, kajian ini memberikan fokus kepada kepimpinan guru bagi guru sekolah menengah di bawah program sekolah amanah di Selangor.

1.9.2.1 Pengetahuan

Pengetahuan dalam kepimpinan guru adalah apabila guru menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mempengaruhi rakan sekerja serta pelajar di dalam dan di luar bilik darjah bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah (Mahaliza et al., 2020). Dalam pada itu, pengetahuan adalah apa yang guru tahu untuk meningkatkan prestasi murid (Green, 2005; Yusof et al. (2018). Bagi kajian ini, pengetahuan membawa maksud pemahaman guru tentang konsep kepimpinan guru dan mempraktikkannya secara kerjasama antara





rakan sekerja dengan berkongsi amalan terbaik secara formal dan tidak formal untuk kecemerlangan sekolah.

1.9.2.2 Kemahiran

Kemahiran dari segi kepimpinan berpengaruh yang membawa impak kepada peningkatan pencapaian murid dan seterusnya sekolah bagi mengembangkan mutu sistem pendidikan (Mahaliza et al., 2020). Guru-guru ini boleh menjadi fasilitator, mentor, kaunselor dan pakar kurikulum dalam meningkatkan pembelajaran dan pencapaian murid (Katzenmeyer & Moller, 2009). Bagi kajian ini, kemahiran guru merujuk kepada penggunaan pelbagai kemahiran iaitu berkomunikasi secara berkesan dan perkongsian tanggungjawab bagi meningkatkan prestasi murid dan sekolah.

1.9.2.3 Nilai

Nilai seseorang guru dalam menentukan apa yang betul dan salah tentang sesuatu perkara boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada murid dan masyarakat dalam membentuk sahsiah mereka (Mahaliza et al., 2020). Sementara itu, nilai adalah prinsip moral individu yang memberikan satu panduan tentang sama ada satu perbuatan atau tingkah laku itu sebagai betul atau salah (KPM, 2009). Dalam kajian ini, nilai merujuk kepada kepercayaan yang diamalkan oleh guru di dalam dan luar bilik darjah yang akan mempengaruhi setiap keputusan yang dibuat demi kebaikan bersama.





1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, responden yang dipilih dalam kajian ini ialah guru-guru sekolah menengah kebangsaan di bawah program sekolah amanah dalam negeri Selangor sahaja. Guru sekolah menengah kebangsaan ini dipilih kerana mereka dianggap sebagai individu yang sesuai dalam skop kajian ini kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses kepimpinan pentadbir iaitu pengetua. Lokasi kajian ialah di sekolah amanah KPM di negeri Selangor sahaja memandangkan populasi kajian ini dapat mewakili ciri-ciri sekolah amanah KPM di seluruh Malaysia kerana sistem pengurusan sekolah yang selaras digunakan di semua sekolah amanah KPM. Selain itu, bilangan sekolah menengah yang paling banyak terlibat di bawah program sekolah amanah adalah di negeri Selangor jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain iaitu sebanyak enam buah sekolah. Oleh itu, kajian ini tidak melibatkan kategori sekolah menengah yang lain.

Namun demikian, kajian ini tidak direka bentuk untuk digeneralisasikan kepada kelompok institusi pendidikan yang lain memandangkan perbezaan daripada segi struktur organisasi, umur pelajar, birokrasi, dasar, misi dan gaya kepimpinan adalah berbeza antara organisasi. Oleh yang demikian, peranan pemimpin transformasi dan kepimpinan guru adalah terbatas kepada pandangan dan persepsi serta tingkah laku guru sekolah menengah di bawah program sekolah amanah di negeri Selangor yang menjadi responden kajian ini. Malah dapatan atau penemuan yang akan diperolehi dalam kajian ini juga adalah berasaskan kepada instrumen yang dijawab oleh kumpulan tersebut dan terhad kepada konstruk kajian ini. Kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada konstruk kepimpinan dan kepimpinan guru yang lain.





Seterusnya, kajian ini juga hanya dijalankan di sekolah menengah yang terlibat dengan program sekolah amanah di negeri Selangor. Penentuan jumlah sampel yang terlibat dari empat buah daerah dalam negeri Selangor ditentukan pula dengan menggunakan teknik perkadaran dan pensampelan rawak mudah yang menjadikan jumlah responden seramai 197 orang mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Dua pemboleh ubah utama yang diukur dalam kajian ini adalah kepimpinan transformasi pengetua dan kepimpinan guru yang merujuk kepada model kepimpinan transformasi Bass dan Avolio (1994) dan model TLI oleh Mahaliza et al. (2020).

Oleh hal yang demikian, data yang dikumpul hanyalah berasaskan kepada respons responden terhadap empat dimensi kepimpinan transformasi Bass dan Avolio (1994) yang merangkumi dimensi pengaruh ideal, motivasi beinspirasi, pertimbangan individu dan ransangan intelek. Respon terhadap kepimpinan guru pula adalah terhadap kepada konstruk model TLI oleh Mahaliza et al. (2020) yang terdiri daripada dimensi pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kepimpinan guru mungkin boleh dipengaruhi oleh faktor atau pemboleh ubah- pemboleh ubah yang lain yang tidak diukur dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini adalah kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan instrumen soal selidik di mana kajian ini akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) 26.0. Pada waktu yang sama, kajian ini hanya melibatkan kaedah penganalisan data seperti frekuensi, peratus, min, sisihan piawai, ANOVA sehalu dan korelasi. Oleh itu, semua proses penganalisan data dan dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan terhadap kumpulan





kajian sahaja iaitu guru-guru sekolah amanah di bawah program sekolah amanah di negeri Selangor. Hal ini menyebabkan segala data yang diperoleh dianggap benar untuk menggambarkan situasi sebenar sebagai usaha untuk mencapai objektif dan persoalan kajian.

1.11 Kepentingan Kajian

Implikasi kajian bagi dasar adalah kepada anjakan ke-5 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 iaitu memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Dasar ini menggariskan keperluan pengetua yang berkualiti tinggi dan autonomi mereka terhadap pembentukan persekitaran pembelajaran di sekolah masing-masing dan ia adalah satu cabaran yang perlu dilaksanakan. Pemimpin sekolah yang mempunyai kepimpinan prestasi tinggi dapat dijadikan mentor dalam sekolah masing-masing dengan membimbing guru-guru untuk memajukan prestasi sekolah. Tambahan lagi, pengetua didedahkan dengan amalan kepimpinan transformasi bagi memudahkan pelaksanaan pengurusan pentadbiran di sekolah. Sehubungan itu, dapatan kajian ini akan menjadi batu loncatan kepada pihak sekolah serta KPM untuk merangka dan merancang program yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap kepimpinan transformasi pemimpin sekolah pada masa hadapan.

Kajian ini akan memberikan maklumat dan bahan rujukan kepada pihak pengurusan sekolah khas Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan juga pasukan perunding LeapEd. tentang tahap kedudukan kepimpinan transformasi pengetua dan tahap kepimpinan guru di bawah program Sekolah Amanah. Dapatan ini mungkin akan





menyokong atau tidak menyokong hipotesis sebelum ini mengenai hubungan kepimpinan transformasi pengetua dengan kepimpinan guru. Hasil kajian ini diharapkan juga dapat membantu pihak LeadEd dalam membuat penambahbaikan untuk mengatasi kelemahan yang wujud dalam setiap dimensi kepimpinan transformasi pengetua iaitu pengaruh ideal, inspirasi bermotivasi, pertimbangan individu dan rangsangan intelek di Sekolah Amanah berdasarkan analisis data. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan untuk merancang program dan bimbingan yang bersesuaian bagi memberikan suntikan kepada pemimpin sekolah seiring dengan peningkatan tahap kepimpinan guru. Pada masa yang sama, kajian tentang kepimpinan guru di bawah program sekolah amanah adalah masih terhad.

Selain itu, kajian ini dilakukan untuk menambah kajian dalam bidang akademik dan sebagai persediaan kepada kajian yang seterusnya terutamanya dalam pendekatan kepimpinan transformasi dan kepimpinan guru. Hasil dapatan kajian ini juga akan menjadi penyumbang kepada kajian-kajian akan datang bagi memantapkan lagi penyelidikan dengan mengaplikasikan teori dan model yang bersesuaian dalam skop organisasi sekolah serta kepentingannya terhadap sistem pendidikan. Malah hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat memajukan lagi teori kepimpinan transformasi dan model kepimpinan guru yang seterusnya boleh memberi impak kepada amalan pengurusan dan pentadbiran di sekolah. Bersesuaian dengan prinsip guru berkualiti dan kekal berkualiti oleh KPM, amalan kepimpinan guru merupakan salah satu medium yang penting bagi membantu guru untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai di samping pemimpin yang memberi sokongan dalam membentuk keyakinan guru.



1.12 Rumusan Bab

Bab ini telah memberikan gambaran awal mengenai hala tuju kajian yang akan dijalankan di mana ia dimulakan dengan menghuraikan latar belakang kajian. Selain itu, bab ini juga menjelaskan tentang pernyataan masalah kajian melibatkan dua pemboleh ubah iaitu kepimpinan transformasi dan kepimpinan guru. Di dalam bahagian objektif kajian, penyelidik telah menetapkan matlamat-matlamat yang hendak dicapai di akhir kajian ini.

Persoalan-persoalan kajian turut ditentukan berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kemudian, beberapa hipotesis turut dibentuk berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Seterusnya, diterangkan kerangka konsep teoretikal dan konseptual kajian yang akan digunakan dalam penyelidikan ini. Ianya berdasarkan kerangka teori yang dibentuk berasaskan hubungan kepimpinan transformasi dengan kepimpinan guru. Di samping itu, batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional turut dibincangkan bagi melengkapi bab 1. Ianya diharapkan agar dapat memberikan gambaran awal mengenai hala tuju kajian yang akan dijalankan.

Di bab seterusnya akan membincangkan tentang pelbagai kajian yang berkaitan dengan definisi konsep dan model kepimpinan transformasi serta kepimpinan guru. Bahan penulisan lalu dan kajian lepas yang relevan juga akan di bincangkan di dalam bab berikutnya.